

PRULink Equity Focus Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

Ciri-ciri Dana

Objektif Dana	Untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka sederhana hingga panjang. Ini adalah dicapai dengan melabur dalam lebih kurang 30 syarikat-syarikat Malaysia berkualiti yang tersenarai di Bursa Malaysia yang dijangka akan menyediakan peningkatan modal dan potensi pendapatan pada jangka sederhana ke panjang.
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p>Strategi Pelaburan</p> <p>Menggunakan gaya pelaburan berorientasikan nilai dengan pemilihan sekuriti "bottom-up". Gaya pelaburan "bottom-up" menumpukan perhatian kepada syarikat tertentu dan bukannya kepada industri di mana syarikat itu beroperasi atau kepada ekonomi secara keseluruhannya. Pendekatan pelaburan ini fokus dengan melabur dalam lebih kurang 30 saham-saham Malaysia yang berkualiti yang dijangka akan menyediakan nilai modal dan potensi pendapatan dalam jangkamasa sederhana ke panjang. Di samping itu, dana ini boleh meminimumkan risiko penurunan ekuiti yang berpotensi dengan memperuntukkan sehingga 20% daripada nilai aset bersih dana dalam sekuriti pendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan deposit Malaysia.</p> <p>Selaras dengan objektif dan strategi dana, pengurus dana adalah tidak dikekang oleh piawaian pasaran, iaitu pengurus dana adalah 'piawaian sedar' tetapi tidak dipaksa untuk melabur dalam saham yang merupakan satu konstituen utama daripada barometer pasaran seperti Indeks FTSE Bursa Malaysia Top 100 index (FBM100), jika saham itu tidak memenuhi kriteria pemilihan pengurus dana. Pengurus dana juga boleh menggunakan derivatif dan instrumen dan produk berkaitan derivatif untuk memanfaatkan daripada potensi peningkatan pasaran dan/atau melindungi nilai terhadap penurunan harga saham.</p> <p>Pendekatan Pelaburan</p> <p>Pengurus Dana percaya bahawa cara pelaburan yang diarah oleh penilaian dan yang disiplin boleh menjanakan pulangan yang unggul dalam jangka masa panjang. Tujuan mereka adalah untuk menggunakan peluang kedua-dua peruntukan asset dan pengurusan portfolio, dengan fokus pada memaksimumkan pulangan pada paras yang boleh diterima.</p> <p>Ketidakcekan penetapan harga yang disebabkan tingkah laku pelabur yang tidak munasabah boleh dieksploitasi melalui penyelidikan aktif dalaman dan pengurusan portfolio. Penetapan harga salah yang berjaya dieksploitasi dan dikekalkan memerlukan penerapan cara penilaian kami yang disiplin. Proses mereka mencari cara menyingkirkan kelakuan berat sebelah yang membawa kepada penetapan harga yang salah dalam kejadian pertamanya.</p> <p>Pengurus Dana membuat anggapan yang konservatif terhadap ramalan pendapatan untuk memastikan sasaran penilaian dalaman mereka boleh dicapai. Tetapi, pada masa yang sama, mereka tidak menyingkirkan potensi peluang dengan mengambil risiko yang sudah diperhentikan dalam masa yang tidak stabil ini yang cenderung kepada kejadian sekelilingnya.</p> <p>Pengurus Dana mengikut darjah kekonsistenan yang tinggi dalam jangka masa panjang untuk semua dana, di samping berpegang teguh kepada garis panduan yang tegas dan profesional.</p>
Peruntukan Aset	Dana melabur sehingga 100% Dana NAV dalam saham-saham berkualiti tinggi di Bursa Malaysia. Dana NAV yang lebih akan dilaburkan ke dalam aset cair.
Piawaian Prestasi	FTSE-Bursa Malaysia Top 100 Index (FBM 100) <i>Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari www.bursamalaysia.com/market</i>


PRULink Equity Focus Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

Pengurus Dana	Eastspring Investments Berhad (531241-U)
Yuran & Caj	
Caj Pengurusan Dana	1.50% setiap tahun
Caj-caj lain, jika ada	Tiada

Prestasi Dana

PRULink Equity Focus Fund Vs. FTSE-Bursa Malaysia Top 100 Index (FBM 100)



Nota: Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.

Tahun	Prestasi PRULink Equity Focus Fund	Piawaian Prestasi FTSE Bursa Malaysia Top 100 Index (FBM 100)
2015	1.30% *	1.91% *
2016	-3.08%	-2.45%
2017	18.49%	12.74%
2018	-5.41%	-9.28%
2019	2.99%	-2.88%
2020	15.00%	3.48%
2021	-0.55%	-4.24%
2022	-4.91%	-5.42%

* Prestasi dana adalah dari tarikh lancar dana sehingga akhir tahun untuk tahun yang sama.

PRULink Equity Focus Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg, 31 Disember 2022

Notis: Prestasi dana masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya. Ini hanya adalah bagi prestasi dana pelaburan / dasar, dan bukan pulangan daripada premium yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left(\frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

Risiko-Risiko Pelaburan

Sila rujuk kepada Lampiran 1 untuk butir-butir senarai Risiko-Risiko Pelaburan di bawah yang mengikut urutan kepentingan:

- (A) Risiko Pasaran
- (B) Risiko Saham / Penerbit
- (C) Risiko Kecairan
- (D) Risiko Kadar Faedah
- (E) Risiko Negara
- (F) Risiko Tiada-Pematuhan
- (G) Risiko Penumpuan
- (H) Risiko Syarikat Pengurusan
- (I) Risiko Inflasi
- (J) Risiko Pengurus Pelaburan

Pengurusan Risiko

Peramalan Risiko

Risiko yang berpotensi timbul akan dipertimbangkan dalam proses peruntukan sektor dan pilihan stok yang berdasarkan analisis pelbagai faktor-faktor penting seperti keadaan ekonomi, kecairan, aspek-aspek kualitatif dan kuantitatif sekuriti tersebut.

Kawalan Sistem

Had risiko ditetapkan secara dalaman untuk setiap dana dan bergantung kepada profil risiko pelanggan. Had risiko tersebut termasuk pengeluar bet, kumpulan pengeluar, pengkadaran sektor dan saiz isu sekuriti yang dipegang dalam portfolio.

Satu sistem depan pejabat ditempatkan untuk mengawasi risiko portfolio, yang bertugas sebagai penapis automatik untuk had-had atau keadaan pecah amanah.

PRULink Equity Focus Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

Maklumat Lain

<ul style="list-style-type: none">• Pasaran Sasaran	<ul style="list-style-type: none">• Pelabur yang mencari nilai modal yang meningkat.• Daya toleransi risiko tinggi.• Pengalaman pelaburan dalam jangkamasa sederhana ke panjang.
<ul style="list-style-type: none">• Dasar & Kekerapan Tarikh Penilaian	<ul style="list-style-type: none">• Penghargaan unit dibuat setiap hari.• Harga unit bagi dana PRULink tertentu pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan Nilai Dana dibahagi dengan bilangan Unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.• Nilai Dana ialah nilai semua aset dana PRULink selepas memotong belanja untuk menguruskan, memperolehi, menyenggara, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.• Tarikh Penilaian ialah tarikh yang ditentukan oleh Syarikat dari masa ke semasa, tetapi tidak kurang daripada sekali sehari, untuk tujuan menentukan Harga Unit.• Untuk mendapatkan balik kos memperoleh dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat untuk Nilai Unit untuk memulihkan sebarang jumlah yang telah atau dijangka akan dibayar oleh dana untuk penghasilan dan pembatalan unit-unit.
<ul style="list-style-type: none">• Keadaan-keadaan Luar Biasa	<ul style="list-style-type: none">• Syarikat juga berhak untuk menangguhkan penukaran dana-dana PRULink dan bayaran untuk apa-apa Pembayaran, Pengeluaran Separa Fleksibel dan/atau Penyerahan Polisi bagi tempoh yang tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh yang padanya penukaran atau bayaran akan berlaku dalam keadaan-keadaan biasa.• Syarikat mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusniaga polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbit dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/dari mana-mana dana PRULink. Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.